



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 01/02

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah mengadakan lawatan kebajikan bagi menyantuni Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kpl Safaruddin bin Suhaimi di kediamannya bertempat di Kajang, Selangor, hari ini.

Kpl Safaruddin bin Suhaimi, 62 tahun, merupakan Veteran ATM daripada Tentera Darat Malaysia dalam pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD). Sebagai seorang tentera yang sering terlibat dengan pelbagai operasi, sudah tentu Kpl Safaruddin tidak terkecuali daripada melaksanakan tugas-tugas tersebut. Pada tahun 1985, semasa sedang menjalankan Operasi Gubir, Kpl Safaruddin telah kehilangan kaki kanannya apabila beliau telah terperangkap dalam jerangkap samar pihak musuh.

Sesuatu yang bukan mudah untuk diterima namun, dengan semangat dan cintakan perkhidmatan dan tanah air, beliau tabah meneruskan perjuangan dan bersama dalam perkhidmatan sejak 2 Februari 1981 sehingga beliau bersara pada 1 Februari 2002 dan menamatkan tempoh selama 21 tahun.

Walaupun Kpl Safaruddin merupakan anggota Veteran ATM Berpencen, beliau diuji lagi apabila telah disahkan menghidap barah usus tahap 2 dan terdapat ketumbuhan pada paru-paru. Akibat daripada masalah kesihatan dan faktor usia, beliau kini tidak lagi mampu untuk bekerja manakala isterinya, Aini binti Abdullah, 52 tahun juga mengalami masalah kesihatan iaitu darah tinggi dan kencing manis. Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan seorang cahaya mata dan telah berumah tangga.

Timbalan Menteri Pertahanan mengambil inisiatif menyantuni Kpl Safaruddin bagi melihat sendiri keadaan beliau dan mengesyorkan agar beliau di serapkan ke dalam Program CAKNA Veteran ATM di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal (JHEV) ATM. Program ini akan memberikan manfaat kepada Kpl Safaruddin dan keluarga bagi meringankan bebanan dan kos perubatan yang ditanggung oleh keluarga berkenaan.

Sejajar dengan matlamat yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) Kementerian Pertahanan, kebajikan merupakan salah satu fokus utama Kementerian dalam usaha memastikan setiap warga kerja pertahanan dan veteran terjaga dan terbela secara menyeluruh. Tidak ada pihak yang terpinggir dan usaha-usaha seumpamanya akan dipergiat dan diperluas dalam memastikan setiap khidmat bakti yang dicurahkan dalam perkhidmatan mendapat pengiktirafan sewajarnya.

Turut hadir dalam lawatan ini adalah Leftenan Kolonel Azwadi bin Jamian (B) Ketua Pegawai Operasi Yayasan Veteran ATM, Komander Azman bin Yusoff TLDM Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, Tuan Haji Mohd Din bin Hosnin YDP Persatuan Veteran ATM Negeri Selangor dan Tuan Ahmad Daman Huri bin Arshad YDP Persatuan Kebajikan Briged X Gurkha Malaya 4 RAMD.

-TAMAT-

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
2 Februari 2023**

